

14 OCT 2003  
OIC-Pemimpin  
PEMIMPIN OIC MULA TIBA DI KUALA LUMPUR

PUTRAJAYA, 14 Okt (Bernama) -- Presiden Sudan Omer Hassan Ahmaed El-Bashir merupakan pemimpin kedua tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa KL (KLIA) di Sepang, dekat sini, bagi menghadiri Sidang Kemuncak Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) ke-10.

Terdahulu, yang turut tiba ialah Presiden Bosnia Sulejman Tihic.

Presiden Pakistan Pervez Musharraf dijangka tiba lewat hari ini.

Selain sidang kemuncak ketua-ketua negara dan kerajaan (OIC), Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) Kofi Annan, Presiden Rusia Vladimir Putin dan Presiden Filipina Gloria Arroyo juga akan menghadiri sidang kemuncak dua hari itu sebagai tetamu.

Sebanyak 35 ketua negara dan kerajaan pertubuhan 57 anggota itu akan menghadiri sidang kemuncak itu.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan mempengerusikan sidang kemuncak itu, yang pertama diadakan di rantau Asia Pasifik sejak ia ditubuhkan pada 1969.

Sidang kemuncak itu, yang bermula Sabtu lepas, juga merupakan persidangan utama negara-negara Islam selepas serangan 11 Sept, 2001 ke atas Amerika Syarikat.

Antara pemimpin terkemuka yang dijadual menghadiri sidang kemuncak itu ialah Presiden Iran Seyed Mohammad Khatami, Emir Kuwait Sheikh Sabah Al-Ahmed Jaber Al-Sabah, Presiden Afghanistan Hamid Karzai dan Presiden Syria Bashar Assad.

Pemimpin lain termasuk Presiden Algeria Abdulaziz Bouteflika, Perdana Menteri Lubnan Rafiq Hariri dan Presiden Turki Ahmet Necdet Sezer.

Ketua negara Jordan Raja Abdullah II, Presiden Mesir Hosni Mubarak dan Emir Qatar Sheikh Hamad Khalifa Al-Thani juga akan menghadiri sidang kemuncak itu.

Dari benua Afrika, Presiden Senegal Abdoulaye Wade, Presiden Mozambique Joaquim Chissano, Perdana Menteri Djibouti Dileita Mohamad dan Presiden Gambia A.J.J.Jammeh juga akan hadir.

Senarai yang diberikan kepada Bernama oleh sekretariat media KLIA tidak menyeluruh kerana masih ada pemimpin yang telah mengesahkan kehadiran tetapi belum memberikan butiran penerbangan.

Masih terdapat nama-nama pemimpin yang belum dikeluarkan kepada media atas sebab keselamatan.

-- BERNAMA  
SR MKO RHM